

28/02/1998

Umno Kelantan terima dua laporan

KOTA BHARU, Jumaat - Badan Perhubungan Umno Kelantan menerima sekurang-kurangnya dua aduan yang disertakan bukti berhubung amalan politik wang di kalangan ahli parti setakat ini.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar berkata, aduan berkenaan sudah diserahkan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, untuk tindakan selanjutnya.

"Kita ada menerima beberapa aduan yang sebahagiannya tanpa bukti kukuh.

"Bagaimanapun ada aduan yang kita fikir mempunyai bukti jelas dan kita sudah mengangkat aduan ini kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan (Dr Mahathir).

"Tanggungjawab saya ialah menyerahkan laporan kepada pengerusi dan terpulanglah kepada beliau sama ada ingin memperpanjangkannya kepada Jawatankuasa Disiplin atau Majlis Tertinggi (MT) Umno," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita (Hawa) daerah Kota Bharu di Peringat, dekat sini, hari ini.

Ditanya mengenai bentuk amalan politik wang yang dikesan di kalangan ahli parti, beliau yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, antaranya termasuk menghimpun penyokong dan mengadakan jamuan bagi tujuan berkempen secara terbuka.

Annuar berkata, pihaknya turut mengenal pasti tindakan segelintir pihak yang menyediakan habuan berbentuk barangan tertentu dalam usaha meraih sokongan ahli terhadap pencalonan masing-masing.

Selain itu, katanya, Umno Kelantan masih dibelenggu masalah kurang disiplin di kalangan ahlinya, terutama yang membabitkan isu pertandingan menjelang pemilihan bahagian pada 12 hingga 29 Mac ini.

"Contohnya, ada bahagian yang sudah berunding dan dipersetujui pelbagai pihak tetapi apabila segalanya selesai, ada pula pihak lain menyatakan hasrat untuk bertanding walaupun tidak pernah ditimbulkan sebelumnya.

"Apabila keadaan ini timbul, kita terpaksa pula mengadakan rundingan baru dan masalah ini sukar diselesaikan jika semua pihak tidak mahu memberi kerjasama," katanya.

(END)